

PRODUK PERBENDAHARAAN

Risalah Penerangan Produk - Swap Mata Wang Silang Islam-i

Tarikh :

Sila baca Risalah Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melabur di dalam Swap Mata Wang Silang Islam-i. Pastikan anda membaca terma dan syarat dalam surat tawaran dan/atau perjanjian produk. Dapatkan penjelasan daripada Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat am.

1. Apakah itu Swap Mata Wang Silang Islam-i?

- Perjanjian antara dua pihak untuk menukar satu siri bayaran keuntungan dan matawang yang didenominasikan dalam satu matawang untuk satu siri bayaran keuntungan dan matawang yang lain yang didenominasikan dalam matawang lain, berdasarkan jumlah pokok sebenar dalam satu tempoh yang dipersetujui.

2. Siapakah yang boleh melabur di dalam Swap Mata Wang Silang Islam-i?

- Entiti perniagaan yang layak seperti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) /komersil, perbadanan korporat, syarikat tersenarai awam, syarikat multinasional, syarikat berkaitan kerajaan dan institusi kewangan.

3. Bagaimanakah produk ini dikendalikan?

- ICCS ialah surat cara lindung nilai Islam yang dapat memberikan penyelesaian lindung nilai bagi kadar pertukaran asing dan keuntungan untuk pelanggan.
- ICCS juga ialah alat lindung nilai dan digunakan untuk melindungi aset atau liabiliti daripada kadar ukur rujuk dan kadar pertukaran yang tidak menguntungkan.
- Penyelesaian bergantung kepada struktur swap, biasanya berasaskan suku tahunan.
- Dua pihak bersetuju menukar aliran tunai keuntungan berkala masa hadapan berdasarkan jumlah pokok. Kedua-dua pihak hendaklah menandatangani perjanjian induk piawai sebelum mencapai persetujuan dalam apa-apa urusan niaga.

4. Apakah konsep dan kontrak Syariah yang digunakan?

- Konsep Syariah yang digunakan adalah seperti di bawah dan apa-apa gabungannya:
 - i. Murabahah (Menjual komoditi mengikut harga belian dengan margin keuntungan yang ditetapkan dan dipersetujui).
 - ii. Musawamah (Menjual komoditi dengan harga murah antara pembeli dengan penjual tanpa apa-apa rujukan bagi kos yang ditanggung oleh penjual).
 - iii. Wa'ad (Janji daripada satu pihak).
 - iv. Muqasah (Tolakan ialah pelunasan bagi hutang belum terima berbanding hutang perlu dibayar).

5. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Pelanggan boleh menukar aliran tunai berkala masa hadapan dalam satu mata wang untuk aliran tunai dalam mata wang lain.
- Pelanggan boleh melindungi nilai aliran tunai berkala ke atas aset atau liabiliti daripada kadar ukur rujuk dan kadar pertukaran yang tidak menguntungkan.
- Kadar pertukaran yang digunakan oleh dua jumlah pokok ditetapkan pada kadar awal dan kadar lani lazim, dan oleh itu menghapuskan risiko kadar pertukaran.
- Tempoh kontrak/urus niaga Swap Kadar Keuntungan Islam bermula dari tempoh minimum 6 bulan tanpa tempoh maksimum bergantung pada keperluan dan ketersediaan pasaran.
- Had kemudahan ditentukan berdasarkan keperluan pelanggan dan tertakluk kepada penilaian kredit bank.

6. Apakah dokumen asas yang diperlukan?

- Perjanjian Induk Swap Islam.
- Lampiran Sokongan Kredit.
- Pengesahan Perdagangan.
- Set bagi Perjanjian Pembelian Aset dan Penjualan Aset.

- Penentuan Nilai Bersih Urus Niaga dibenarkan untuk mendapatkan nilai bersih bayaran antara set perjanjian pembelian aset dengan penjualan aset untuk mendapatkan pembayaran bersih atau penyelesaian tunai bersih.

7. Dokumen undang-undang

- Perjanjian kemudahan serta dokumen urus niaga dan keperluan undang-undang sedia ada yang lain hendaklah disempurnakan (jika berkenaan).
- Pelanggan berhak/mempunyai pilihan untuk meminta semua dokumen undang-undang sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

8. Apakah risiko yang terlibat?

- Pelanggan hendaklah mempertimbangkan dengan teliti semua risiko yang berkaitan sebelum membuat keputusan lindung nilai. Walau bagaimanapun, tiada risiko terlibat jika tiada pengeluaran awal dibuat kecuali risiko mungkir.

9. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Duti setem akan dikenakan ke atas surat cara/dokumen yang berkaitan dengan produk dan kadar duti berbeza mengikut jenis dan nilai produk.

10. Apakah yang akan berlaku jika saya membuat penyelesaian penuh sebelum tarikh matang?

- Pelanggan yang ingin menamatkan produk mestilah menghantar Notis Penamatan. Tidak ada perdagangan selanjutnya akan berlaku pada tarikh penyelesaian bermula dari tarikh yang dipersetujui seterusnya.
- AFB akan menampung kedudukan swap yang ditutup dengan menyelaraskan kedudukan dengan pihak lain dan mendapatkan semula kos ditutup yang dinilai mengikut pasaran yang berkaitan daripada pelanggan. Di bawah Perjanjian Induk Terbitan Islam, AFB hanya akan mendapatkan semula ganti rugi jika ia mengalami "Kerugian Perdagangan" akibat kegagalan pelanggan menyempurnakan urusniaga sehingga matang.

11. Apakah Cukai Barangan dan Perkhidmatan Kerajaan?

- Cukai Barang & Perkhidmatan (CBP) oleh Kerajaan adalah dikenakan ke atas semua Pembekalan yang dianggap Bercukai (jika ada) di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014, lanjutan daripada penyediaan Produk & Perkhidmatan pihak Bank. CBP adalah eksklusif ke atas nilai Pembekalan yang dianggap boleh dikenakan cukai pada kadar yang ditetapkan.

12. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan dalam butiran alamat surat menyurat saya?

- Pelanggan perlu memaklumkan Bank secara rasmi tentang apa-apa perubahan dalam butiran pelanggan untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada pelanggan tepat pada masanya. Sila hubungi kami di talian 03-20791000 atau datang ke mana-mana cawangan kami untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

13. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

<p>Jika pelanggan menghadapi kesulitan untuk membuat bayaran atau memerlukan maklumat tambahan tentang produk, manfaat dan keistimewaan, sila hubungi kami atau hantarkan e-mel kepada kami secepat mungkin di:</p>	<p>Hubungi/e-mel kami di: Asian Finance Bank Berhad Aras 2, Blok Podium, Kenanga International Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel. : 03-20791000 Faks : 03-20791160 E-mel: feedback@asianfinancebank.com Laman web : www.asianfinancebank.com</p>	<p>Aduan boleh dihantar kepada: ecomplaint@asianfinancebank.com. Atau BNM Link / TELELINK Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel. : 1-300-88-5465 Faks : 03-21741515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
---	---	--

Maklumat yang dinyatakan dalam risalah penerangan produk ini sah pada Mac 2015.